



SIARAN MEDIA

BELANJAWAN 2026: KPKT BAWA HARAPAN BAHARU UNTUK KEHIDUPAN LEBIH SELESA DAN SEJAHTERA

PUTRAJAYA, 11 Oktober 2025 - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) menyambut baik intipati pembentangan **Belanjawan 2026 yang bertemakan "Belanjawan Rakyat - hasil usaha bersama, manfaat untuk semua"** oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan di Parlimen pada hari Jumaat yang lalu.

Bagi tahun 2026, **KPKT menerima peruntukan sebanyak RM6.088 bilion, berbanding RM5.934 bilion pada tahun 2025**, menunjukkan **peningkatan 2.6 peratus atau RM154 juta**. Peningkatan ini mencerminkan kepercayaan Kerajaan MADANI terhadap peranan penting KPKT dalam menerajui dasar pembangunan komuniti dan persekitaran mampan demi meningkatkan kualiti hidup rakyat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming berkata, "Melalui Belanjawan 2026, KPKT akan memastikan setiap sen yang dibelanjakan memberi kesan langsung kepada rakyat, sama ada di bandar mahupun di desa. Kita mahu rakyat hidup selesa, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) lebih berdaya saing dan komuniti terus maju bersama semangat Malaysia MADANI."

Belanjawan 2026 turut memberi penekanan dalam menegakkan akauntabiliti dan integriti semasa pelaksanaan dasar dan projek. Usaha ini adalah bagi mewujudkan keyakinan bahawa kemajuan negara dibina atas asas kepercayaan dan ketelusan.

YB Menteri turut menambah bahawa **pengagihan peruntukan besar kepada KPKT membuktikan keyakinan Kerajaan MADANI terhadap keupayaan kementerian untuk meneruskan agenda pemerkasaan kesejahteraan rakyat serta memperkukuh persekitaran hidup yang mampan dan inklusif**.

Peruntukan Belanjawan 2026 ini memberi tumpuan kepada **empat (4) sektor utama** iaitu perumahan, kerajaan tempatan, kesejahteraan komuniti dan perkhidmatan kebombaan. Sebanyak **12 inisiatif utama** telah digariskan seperti berikut:

1. RM143 juta - Program Penyelenggaraan Perumahan Berstrata Awam dan Swasta

- Penyelenggara rumah strata kos rendah dan sederhana termasuk penggantian lif- lif yang usang.

2. RM672 juta - Program Residensi Rakyat dan Rumah Mesra Rakyat

- Menyiapkan projek-projek perumahan untuk manfaat lebih 33,000 penghuni termasuk PRR Ayer Lanas, Jeli, Kelantan dan PRR Masai, Johor.

3. Pengecualian Duti Setem Bagi Pembelian Rumah Pertama

- Pelanjutan pengecualian penuh Duti Setem bagi Surat Cara Pindah Milik dan Perjanjian Pinjaman bagi pembeli rumah pertama yang berharga sehingga RM500,000 hingga 31 Disember 2027. Langkah ini memastikan pasaran hartanah kekal berdaya saing serta dapat mengawal kenaikan harga rumah untuk manfaat rakyat.
- Duti Setem turut dikenakan pada kadar rata daripada 4 peratus hingga 8 peratus ke atas Surat Cara Pindah Milik oleh warga asing atau syarikat asing.

4. RM10 Bilion - Pelanjutan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP)

- Pelanjutan Skim Jaminan Kredit Perumahan (SJKP) dengan dana tambahan sebanyak RM10 bilion bagi memanfaatkan 80,000 lagi pembeli rumah.

5. RM60 Juta - Pembinaan Gerai dan Baik Pulih Pasar Awam

- Bagi pembinaan baharu dan pembaikan pasar awam di seluruh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

6. RM55 Juta – Menaik taraf Longkang dan Parit

- Bagi kerja pembersihan dan menaiktaraf sistem saliran bagi mencegah banjir di kawasan PBT.

7. RM95 Juta – Membaik pulih dan Menaik taraf Tandas Awam

- Menyediakan kemudahan awam yang lebih selesa dan manusiawi termasuk di kawasan PPR.

8. RM90 Juta – Pembangunan Kampung Baru Cina dan Perkampungan India

- Bagi menaik taraf prasarana asas Kampung Baru Cina dan Perkampungan India serta memperkukuh kemudahan masyarakat setempat.

9. RM50 Juta - Membaik Pulih dan Menyelenggara Rumah Ibadat Bukan Islam

- Bagi membaik pulih dan menyelenggara rumah ibadat bukan Islam berdaftar di seluruh negara termasuk Sabah dan Sarawak.

10. RM500 Juta (termasuk KKDW)- Pembinaan Kediaman Rakyat

- Bagi membaik pulih dan membina lebih 3,300 rumah daif termasuk 380 rumah nelayan di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) iaitu Program Baik Pulih Rumah dan Program Bina Baharu Rumah di Bandar.

11. RM5.28 Juta (termasuk KBS) - Sosioekonomi Komuniti PPR

- Melibatkan program Bomba Bersama Rakyat serta aktiviti sukan komuniti seperti kelas renang, seni bela diri dan riadah warga emas.

12. RM2.2 Bilion (termasuk KDN, KPM, dan KPM) - Kemudahan Perumahan Penjawat Awam

- Bagi membina, menyelenggara dan menaik taraf kuarters termasuk doktor, jururawat, anggota tentera, polis, guru, bomba dan pegawai penjara.

Keseluruhannya, Belanjawan 2026 memperlihatkan **komitmen berterusan KPKT dalam memperkasa kerajaan tempatan, memperkukuh kesejahteraan rakyat dan memastikan kelestarian bandar**. Langkah ini sejajar dengan aspirasi **Malaysia MADANI** dan tekad KPKT untuk membina komuniti yang inklusif, hijau dan sejahtera.

#MalaysiaMADANI
#Kesejahteraan
#StrongerTogether
#DemiPertiwi
#UnityInDiversity
#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PlanMalaysia, 6. Jabatan Lanskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan oleh : Unit Komunikasi Korporat
b.p. Ketua Setiausaha
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel : media.ukk@kpkt.gov.my

UKK
K P K T